

Calon diingat jaga pekerti

Oleh **NOR AZAN FITRI**
AHMAD HIDZIR

sukan@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 15 FEB.**

BEKAS Setiausaha Agung Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Tan Sri Dr. Ibrahim Saad menasihatkan setiap calon yang bertanding dalam pemilihan badan induk sukan negara itu agar sentiasa menggunakan pendekatan berhemah untuk menjaga hubungan persaudaraan di dalam keluarga bola sepak negara.

Katanya, setiap calon yang bertanding tidak perlu beremosi sebaliknya perlu menjaga perasaan calon-calon lain selain menjadikan pertandingan itu sebagai platform untuk menambah baik sukan bola sepak negara secara menyeluruh.

"Kita seharusnya menjaga perasaan sesiapa sahaja yang bertanding dalam pemilihan ini, pendekatan



berhemah seharusnya digunakan dalam keadaan seperti ini.

"Bagi saya, kita tidak perlu nak kritik orang macam-macam, kena jaga perasaan mereka dan tatatertib kita selaku calon selain perlu menjaga persaudaraan kerana kita adalah sebuah keluarga.

"Memang sukan bola sepak



Bagi saya, kita tidak perlu nak kritik orang macam-macam, kena jaga perasaan mereka dan tatatertib kita selaku calon selain perlu menjaga persaudaraan kerana kita adalah sebuah keluarga."

IBRAHIM SAAD

Bekas Setiausaha Agung FAM

adalah sukan yang penuh emosi, kalau penyokong memang ada yang merusuh apabila pasukan mereka kalah tetapi sebagai calon (barisan kepimpinan FAM) kita tidak boleh beremosi sebaliknya jadikan pertandingan ini ruang untuk memberikan kebaikan," katanya ketika ditemui selepas

menghadiri Modul Umum Latihan Sukarelawan Kuala Lumpur 2017, di Universiti Kebangsaan Malaysia, dekat sini hari ini.

Pemilihan FAM ke-53 pada 25 Mac ini menyaksikan pertemuan satu lawan satu di antara Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibarhim dan bekas Presiden Persatuan Bolasepak Kelantan, Tan Sri Annuar Musa untuk merebut kerusi No.1 badan induk itu.

Selain itu, akan turut berlangsung pertandingan empat penjuror bagi jawatan Timbalan Presiden manakala sembilan calon akan bertanding merebut jawatan Naib Presiden bersama 17 calon Exco (lelaki) dan tujuh calon Exco (wanita).

Mengulas mengenai pertembungan di antara Tunku Ismail dan Annuar, Ibrahim berkata kedua-dua calon memiliki kelebihan tersendiri dan semua pihak harus melihat perkara itu secara menyeluruh bukan hanya dari sebelah pihak sahaja.